

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PERMUAFAKATAN AKTIVITI
PUSAT KEGIATAN GURU BAKRI BIL. 1/2017

Tarikh : 1 Mac 2017 (Rabu)
Masa : Mulai 10.30 pagi
Lokasi : Bilik Mesyuarat, SK Seri Bukit Batu, Muar
Pengerusi Mesyuarat : Encik Latib bin Kiat (Guru Besar SK Seri Bukit Batu)

Senarai Kehadiran :

- | | | |
|-----|-------------------------------|--|
| 1. | En Latib bin Kiat | – Guru Besar SK Seri Bukit Batu (Pengerusi) |
| 2. | Pn Teh Teow Yen | – Pegawai Teknologi Pendidikan PKG Bakri (Setiausaha) |
| 3. | En Aziz bin Atan | – Pegawai Teknologi Pendidikan PKG (Penolong Setiausaha) |
| 4. | Tn Hj Mohd Taher bin Md Sap | – Guru Besar SK Bukit Nanning |
| 5. | Pn Bariah binti Mohamed | – Guru Besar SK Ayer Hitam Batu 18 |
| 6. | En Mohamad Yusoh Bin Misbah | – Guru Besar SK Simpang Jeram |
| 7. | En Ng Kee Seng | – Wakil Guru Besar SJKC Yu Eng |
| 8. | Pn Chock Fei Yen | – Wakil Guru Besar, SJKC Pei Chai |
| 9. | Cik Sajidah binti Jamin | – Wakil Guru Besar, SJKC Chung Hwa 2A |
| 10. | Pn Haliza binti Abd Samad | – Wakil Guru Besar SK Parit Zain |
| 11. | Pn Rogita binti Mohamad Yacob | – Wakil Guru Besar SK Bakri Batu 5 |
| 12. | En Ho Jin Chai | – Wakil Guru Besar, SJKC Chin Terh |
| 13. | Pn Rabiatal Adawiyah Md Yasin | – Wakil Pengetua SMKA Maahad Muar |
| 14. | Cik Shee Ai Ling Loi Ker Heng | – Wakil Guru Besar SJKC Chung Hwa Presbyterian |
| 15. | Cik Lim Wan Kee | – Wakil Guru Besar SJKC Pu Nan |
| 16. | Cik Khaironnisa binti Hassan | – Wakil Guru Besar, SJKC Chung Hwa 1A |
| 17. | Cik Tan Poh Choo | – Wakil Guru Besar SJKC Chung Hwa 1B |
| 18. | Cik Goh Pei Geok | – Wakil Guru Besar, SJKC Chung Hwa 2B |

Urusetia :

- | | | |
|----|----------------------|-----------------------------|
| 1. | Pn Nora binti Maarof | – Pembantu Tadbir PKG Bakri |
|----|----------------------|-----------------------------|

Tidak Hadir

1. Pengetua SMK Bukit Nanning
2. Pengetua SMK Tun Dr Ismail

1.0 UCAPAN ALUAN PENERUSI

- 1.1 Pengerusi mengalu-alukan kedatangan ahli mesyuarat kepada semua Guru Besar, Pengetua dan wakil-wakilnya yang dapat hadir pada hari ini ke Mesyuarat JKPA Bil. 1/2017. Pengerusi menyeru agar sekolah yang berada di zon PKG Bakri bersama-sama menyokong dan bertindak sebagai satu pasukan. Pengerusi menegaskan supaya pengetua dan guru besar yang tidak dapat hadir agar dapat menghantar wakil supaya segala maklumat yang dibincangkan dalam mesyuarat ini dalam makluman semua.

Makluman

2.0 MAKLUMAN DAN LAPORAN DARI PKG BAKRI

En Aziz bin Atan, selaku Penolong Setiausaha telah membentangkan makluman yang perlu dikongsi bersama ahli mesyuarat.

2.1 Maklumat ICT dan Media

2.1.1 Pelaksanaan 1Bestarinet Fasa 2 KPM

- i. Teknologi 4G dengan CPE Zoom akan dibekalkan dengan kemudahan lebar jalur berkapasiti antara 6 hingga 10 Mbps.
- ii. OCPD hanya dapat < 6 Mbps
- iii. VSAT pula hanya mendapat 2 Mbps yang terpaksa dikongsi dengan 20 sekolah kerana ia melibatkan satelit dan kos yang mahal.
- iv. Ada dua buah sekolah ahli yang akan dapat Direct Feed iaitu SMK Tun Dr Ismail dan SJKC Chung Hwa 2B.
- v. Semua guru dibekalkan 2GB data broadband dan 2GB LTE. Buat masa kini hanya data 2GB broadband sahaja yang boleh digunakan oleh guru melalui penggunaan dongle YES, manakala data 2GB LTE hanya boleh digunakan apabila dibekalkan dengan peranti smartphone kelak.
- vi. Dongle YES yang rosak perlu diserahkan kepada PPD untuk ditukar dongle yang baru.
- vii. Sekolah akan dapat peranti Smartphone YES dalam majlis Pengagihan Pelan Data Guru dan Peranti YES 4G yang akan diadakan di Dewan Tun Sulaiman Ninam Shah, Bangunan UMNO Muar pada 5 Mac 2017. Majlis tersebut akan dirasmikan oleh YB Dato' Razali bin Ibrahim, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri. Peranti tersebut boleh digunakan sebagai telefon dan peranti sambungan ke internet/ wifi.

Makluman

2.1.2 VLE

- i. Hub VLE daerah Muar ialah di SK Parit Keroma Darat dan di SK Sungai Abong. Guru-guru boleh dapat bantuan tentang penggunaan VLE dalam PdP dari hub VLE sekiranya ada masalah. Pihak sekolah juga boleh menjalankan LDAP mengenai penggunaan VLE dalam PdP dengan bantuan daripada Hub VLE. Hub VLE ada menjalankan beberapa program untuk penggalakan guru menggunakan VLE seperti Program Guru Advokasi.
- ii. Frog VLE telah dipertingkatkan kemudahannya dan dimasukkan fitur baru supaya mudah digunakan.
- iii. Pencapaian KPI VLE sentiasa dipantau oleh PPD dan JPN. Pegawai PPD yang bertanggungjawab VLE akan melaporkan pencapaian KPI VLE dalam mesyuarat mingguan PPD. Terdapat teguran kerana ada sekolah yang tidak mencapai KPI.
- iv. Diharapkan Guru Besar dan Pengetua sentiasa memantau penggunaan VLE kerana KPI KPM adalah 1 juta pengguna setiap minggu.

- v. Diharapkan pentadbir sekolah dapat memantau penggunaan VLE oleh murid dan sekolah melalui dashboard yang disediakan menggunakan url <https://edw.yes.my/MOEReports>.
- vi. Melalui dashboard tersebut, pengetua dan guru besar juga dapat memantau guru-guru yang menggunakan VLE setiap minggu.
- vii. Minta Guru ICT menghubungi Helpdesk VLE di 018-7998787 sekiranya menghadapi masalah tentang login dan ID.

Makluman

2.1.3 Frog Classroom Makeover

- i. Sehingga hari ini telah terdapat 5 buah Frog Classroom di sekolah-sekolah daerah Muar iaitu:
 - SMKA Maahad Muar (dirasmikan pada 3 Ogos 2016)
 - SK Panchor (dirasmikan pada 20 Nov. 2016)
 - SK Parit Keroma Darat (dirasmikan pada 23 Nov. 2016)
 - SMK(P) Sultan Abu Bakar (dirasmikan pada 23 Feb. 2017)
 - SMK Dato' Seri Amar Di-Raja (akan dirasmikan pada 28 Mac 2017)
- ii. SMKA Maahad Muar perlu menghantar laporan 6 bulan sekali kepada YTL Foundation tentang penggunaan Frog Classroom seperti yang terdapat dalam perjanjian yang ditandatangani.

Makluman

2.1.4 Penarafan Pembestarian Sekolah melalui SSQS

- i. Pada tahun 2016, ada sekolah yang telah meningkat dari 2 bintang kepada 4 bintang.
- ii. Sekolah yang mendapat 3 bintang dan ke atas adalah sekolah yang telah bersedia dan capai tahap bestari.

Makluman

2.1.5 Penyelenggaraan ICT

- i. RM30 juta telah diperuntukkan bagi Penyelenggaraan Makmal komputer seluruh negara dan dijangkakan pada bulan April 2017, peruntukan akan diturunkan.
- ii. Hanya 183 sekolah di negeri Johor yang telah di senarai pendek untuk penyelenggaraan ini (116 sekolah menengah dan 67 sekolah rendah)
- iii. Sekolah ahli PKG Bakri yang akan terlibat adalah:
 - SMK Bukit Naning
 - SMK Tun Dr Ismail
 - SK Bukit Naning
 - SK Parit Zain

Makluman

2.1.5 Pinjaman Netbook 1 Malaysia

Guru yang ingin meminjam netbook untuk 1 bulan boleh muat turun borang dari Portal PKG, dapat pengesahan dari GB/Pengetua dan datang ke PKG.

2.2 Program NILAM Yang Ditambah Baik

- 2.2.1 Program NILAM yang ditambah baik akan mula dijalankan di semua sekolah secara *soft start* mulai tahun ini dan akan dijalankan sepenuhnya mulai tahun 2018.
- 2.2.2 Melalui program yang ditambah baik ini, pembacaan yang diambil kira bukan sahaja buku malah dari pelbagai bahan bacaan yang lain sama ada bahan cetak mahupun bahan bukan cetak.
- 2.2.3 Dari segi pengiktirafannya juga berbeza. Tiada lagi pengiktirafan jauhari dan rakan pembaca, sebaliknya ditukar dengan pemberian bintang berdasarkan pengumpulan mata ganjaran.

Makluman

2.3 Pusat Sumber Sekolah

2.3.1 Pemantauan Pusat Sumber Sekolah

Pihak PKG Bakri mengucapkan terima kasih kepada sekolah yang telah menghantar data melalui *google sheet* secara *online*.

2.3.2 Anugerah Pusat Sumber Sekolah

- i. Dalam pemilihan Pusat Sumber Sekolah peringkat daerah Muar, SMK Bukit Naning, tidak berjaya terpilih untuk mewakili daerah Muar ke peringkat negeri.
- ii. SMK Pekan Baru dan SK Seri Menanti akan mewakili daerah Muar ke APSS peringkat negeri Johor.

2.4 Pemantauan

Semua sekolah akan dipantau kerana PSS dan ICT adalah item yang berada dalam pembestarian sekolah. Jadual telah dimaklumkan kepada GPM dan Guru ICT sekolah.

Makluman

3.0 MEMBENTANG DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT YANG LALU

- 3.1 Puan Teh Teow Yen (Setiausaha) telah membentangkan minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aktiviti Pusat Kegiatan Guru Bakri Bil. 2/2016 dengan tanpa pindaan.
- 3.2 Minit mesyuarat telah disahkan melalui cadangan oleh Tn Hj Mohd Taher Bin Md Sap, Guru Besar SK Bukit Naning dan disokong oleh Pn Bariah Binti

Mohamad, Guru Besar SK Ayer Hitam Batu 18. Ahli mesyuarat bersetuju sebulat suara.

4.0 PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 MEMBENTANG DAN MEMBINCANGKAN PROGRAM/ AKTIVITI TAHUN 2017

5.1 En Aziz bin Atan, membentangkan perancangan program/ aktiviti yang akan dijalankan pada tahun 2017

Bil.	Bengkel	Sasaran	Tarikh
1	Bengkel NILAM Tambah Baik	GPM/ Guru Penyelaras NILAM	Julai 2017
2	Bengkel ICT	Guru ICT	Ogos 2017
3	Bengkel Media	Guru yang berminat	Mei 2017

Makluman

6.0 HAL-HAL LAIN

6.1 Tn Hj Mohd Taher Bin Md Sap mencadangkan PKG agar membuat Mesyuarat JKPA seterusnya di Frog Classroom SMKA Maahad Muar agar semua guru besar dan pengetua sekolah ahli dapat melihat sendiri bilik tersebut.

Maklumbalas:

En Aziz bin Atan menerangkan ia akan diusahakan.

Makluman

6.2 Tn Hj Mohd Taher bertanya, adakah *networking* yang dibuat oleh pihak sekolah, akan terjejas capaian internet setelah pelaksanaan 1BestariNet Fasa 2.

Maklumbalas:

En Aziz bin Atan memaklumkan *networking* itu besar kemungkinan tidak terjejas kerana dibuat daripada sambungan dengan zoom bilik guru.

Makluman

6.3 Tn Hj Mohd Taher bertanya tentang Buku Rekod Bacaan NILAM yang baru dan bengkel berkaitan kepada Guru penyelaras NILAM sekolah . Buku mungkin boleh dibuat oleh sekolah atau Badan tertentu seperti Majlis Guru Besar.

Maklumbalas:

En Aziz bin Atan memaklumkan setakat ini belum ada syarikat yang mencetak buku Rekod Bacaan NILAM yang berformat baru. Beliau juga memaklumkan, Persatuan Penasihat Pusat Sumber Sekolah Negeri Johor pernah berhasrat

untuk mencetaknya, namun sehingga hari ini masih belum berbuat demikian. Buku ini akan di gunakan sepenuhnya pada tahun 2018. Bengkel akan dilaksanakan kepada GPM apabila Sistem Data NILAM tambah baik telah siap dibangunkan sepenuhnya.

7.0 PENUTUP

- 7.1 Pengerusi sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang telah hadir untuk menjayakan mesyuarat pada kali ini. Beliau berharap agar semua berjalan lancar.
- 7.2 Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.40 tengah hari ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Disediakan oleh,

Teh Teow Yen
Setiausaha,
Jawatankuasa Permuafakatan Aktiviti
PKG Bakri, Muar
1 Mac 2017